

# Model Warisan Ketatanegaraan Melayu Islam melalui *Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk*

**BITARA**Volume 1, Issue 1, 2018: 001-007  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Heritage Model of Muslim-Malay Civic Polity by *Itqan al-Mulk bi Ta'dil al-Suluk*]

Hanif Md Lateh<sup>1</sup>

### Abstrak

Perlembagaan Terengganu 1911 ialah teks bertulis kedua yang disifatkan berada dalam konteks ketatanegaraan di Tanah Melayu. Teks ini terhasil selepas pengubalan Perlembagaan Johor 1895. Bagaimanapun, kelahiran teks ini ketika era campur tangan British di Terengganu menjadi asas kepada keperluan kajian ini. Kedudukannya pada era tersebut menimbulkan persoalan, adakah ia menetapi unsur Islam-Melayu yang telah sedia menjadi amalan di Alam Melayu? Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menilai kewujudan fasal dalam teks perlembagaan tersebut yang berteraskan parameter ketatanegaraan Alam Melayu. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengaplikasi reka bentuk kajian sejarah. Pengumpulan data dibuat melalui dokumen sumber pertama, iaitu salinan teks bersama dengan interpretasi dokumen sekunder. Kajian dianalisis dengan tatacara komparatif antara teks primer dengan parameter yang ditetapkan. Kajian mendapati bahawa unsur Islam-Melayu sebagaimana dalam parameter tersebut jelas diadun dalam teks. Selain itu, keberadaan ini menjadi pemangkin kepada kelangsungan warisan ketatanegaraan Melayu. Justeru, kajian menyimpulkan keberadaan teks ini menongkah arus kehendak era campur tangan British. Selain itu, kajian turut melihat keperluan untuk melakukan penelitian lanjutan dalam setiap undang-undang tubuh kerajaan, seterusnya kepada pengubalan perlembagaan berasaskan model warisan ketatanegaraan Islam-Melayu.

### Kata Kunci

Perlembagaan Terengganu 1911, ketatanegaraan, *Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk*

### Abstact

The 1911 Terengganu State Constitution is the second written text believed to be in the context of the administration in the Malay land. This text was made after the drafting of the 1895 Johor Constitution. The production of this text during the British intervention period in Terengganu became the basis for this study. Its position during the era posed a question, whether it agrees to the elements of Malay-Islam which is already a practice in the Malay Society? Therefore, this study aimed to assess the existence of the clause in the constitution which is based on the parameters of the Malay community. This is a qualitative study by applying historical research design. Data collection is done through the first source document, which is a copy of the text along with the interpretation of the secondary document. The study was analyzed using the comparative procedure between the primary text and the specified parameters. The study found that elements of Malay-Islam in the parameter is blended clearly in the text. Besides, the presence of the text has become the catalyst for the continuity of the Malay administration heritage. Therefore, the study concludes the existence of this text is contrary to the will of the British during their intervention. Furthermore, the study will also

<sup>1</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

### Corresponding Author:

HANID MD LATEH, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.  
E-mail: hanifjunid@unisza.edu.my

look into the need to further the research in every constitution of the government, and next to the drafting of the constitution based on the heritage model of Malay-Islam administration.

Keywords:

Terengganu Constitution, Civic Polity, *Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk*

**Cite This Article:**

Hanif Md Lateh. 2018. Model warisan ketatanegaraan Melayu Islam melalui *Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 1-7.

## Pengenalan

Legasi Perundangan di Terengganu bermula dengan penemuan Batu Bersurat bertarikh 4 Rejab 702H (bersamaan 22 Februari 1303M) di tebing Sungai Tersat, Kuala Berang Terengganu pada tahun 1887. Kajian sarjana terhadap Batu Bersurat Terengganu menunjukkan bahawa Islam telah diangkat sebagai satu daripada unsur pengisiannya. Unsur Islam diimplementasi menerusi kaitannya dengan agamawan Islam yang dikenali sebagai ulama. Sebagai contoh, kajian Izziah Suryani merumuskan bahawa idea kepimpinan Islam telah disebarkan di Terengganu ketika itu (Izziah Suryani 2009). Sementara itu, kajian Rahimin Affandi et al. (2010) merumuskan Batu Bersurat Terengganu merupakan legasi warisan karya ulama Melayu-Islam berasaskan elemen pemikiran dan kefahaman Melayu tradisi yang dipahat. Penemuan Batu Bersurat yang telah ditafsir ramai sarjana terdahulu memberikan pelbagai penemuan berbeza mengikut aspek yang diimbis. Dua kajian terdahulu yang dinyatakan sebelum ini merupakan contoh imbasan yang dibuat ke atas Batu Bersurat berdasarkan elemen ulama dan Islam dalam Batu Bersurat Terengganu. Oleh itu, jelaslah bahawa tiada penafian keberadaan prinsip dan unsur Islam melalui gagasan ulama Melayu yang telah dicerminkan melalui Batu Bersurat.

Ulama Melayu dalam pentadbiran Kerajaan Terengganu telah digolongkan sebagai *third element in the Terengganu rulling class* (Shaharil 1977). Kedudukan ulama adalah pada hierarki ketiga selepas kerabat diraja dan kerabat am (aristokrat) di tempat pertama dan kedua. Peranan golongan ulama secara khusus dalam perundangan sukar dibuktikan secara langsung. Hubungan kait tersebut boleh dilihat melalui peranan sebagai: penasihat sultan, pelaksana perundangan syariah dan sebagainya.

Sementara itu, dalam konteks kepelbagaian pula, ulama di Terengganu bercirikan Melayu-Islam dan Arab-Islam yang sering dinamakan sebagai Arab Hadrami atau Syed. Terengganu secara khususnya telah menerima pengaruh sehingga 1911 melalui tiga orang ulama berketurunan Syed iaitu Syed Ahmad (Tuk ku Melaka), Syed Muhammad (Tok Ku Tuan Besar) dan Syed Abdul Rahman (Tok Ku Paloh) (Aladin 2013). Selain itu, sultan Terengganu juga merupakan jurai yang berasal daripada keturunan *Ahl al-Bayt* yang dikaitkan dengan Hadrami dan Syed. Hal ini boleh dikesan melalui jurai Tun Habib Abdul Majid yang berasal daripada Hadramaut berketurunan Syed Aidrus (Mohamed Anwar & Nik Anuar 2009).

Seterusnya, Terengganu melalui fasa pembentukan kerajaan semasa adalah melalui era kerajaan Sultan Zainal Abidin Shah adalah dipengaruhi Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan wujud pertalian yang rapat dengan Melaka, Johor dan Patani (Mohamed Anwar & Nik Anuar 2009). Justeru adalah jelas bahawa baginda meneruskan pelaksanaan perundangan

Islam dan menerima pakai *Hukum Kanun Melaka* sebagai perlembagaan. Meskipun Kerajaan Melayu Patani dan Kerajaan Melayu Johor sebelum pemerintahan Sultan Zainal Abidin Shah Terengganu sudah pun memiliki perlembagaan walaupun asas dan dasar tersebut adalah dari *Hukum Kanun Melaka* (Liaw 2003). Keadaan ini merupakan faktor rangkaian hubungan institusi raja dan ulama berkait rapat dalam sejarah Terengganu.

Secara keseluruhan, ulama yang berperanan dalam sejarah kerajaan Terengganu dalam tempoh pengasasan hingga penggubalan perlembagaan Terengganu adalah seperti berikut (senarai ini ialah ekstrak daripada Azmah 2008):

1. Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (1650-1736), Tok Pulau Manis
2. Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus (1795-1878), Tok Ku Tuan Besar.
3. Wan Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim (?-1864).
4. Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohammad Amin (1802-1889), Tok Sheikh Duyong.
5. Tuan Guru Haji Hussein (?-1917).
6. Syed Abdul Rahman al-Idrus (1817-1917), Tok Ku Paloh.
7. Haji Abdul Rahman Limbong (1868-?).
8. Dato Seri Amar Diraja Haji Ngah @ Muhammad bin Yusuf (1878-1940).
9. Tuan Guru Haji Muhammad (1880-1971).

## **Warisan Ketatanegaraan menerusi *Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk***

Legasi perundangan di Terengganu semenjak penubuhannya dianggap mencapai tahap ulung melalui penggubalan *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu*. Penulisan dokumen seumpama ini sebagai perlembagaan negeri merupakan hasil peradaban penting sebagaimana yang berlaku dalam kerajaan Johor pada tahun 1895 (Hanif et al. 2014). Penggubalan perlembagaan di Johor secara prinsipnya telah memberi kesan pada penggubalan perlembagaan Terengganu walaupun perlembagaan ini secara spesifik telah memberi penekanan pada prinsip Kerajaan *Islamiyyah al-Malayuwiyyah* (Ahmad Fawzi 1999).

Perlembagaan negeri Terengganu yang dinamakan sebagai Undang-undang Bagi Kerajaan Terengganu atau *Itqan al-Muluk bi al-Ta'dil al-Suluk* (Nama rasmi iaitu *Itqan al-Muluk bi al-Ta'dil al-Suluk* boleh dikenal pasti melalui muka hadapan yang berbunyi: “maka telah kita namakan ia *Itqan al-Muluk bi al-Ta'dil al-Suluk*, yang melengkapinya di dalamnya satu mukadimah dan 52 fasal dan satu *khatimah*. Lihat, *Muqaddimah Itqan al-Muluk bi al-Ta'dil al-Suluk*, Arkib Negara Malaysia, disalin pada 15 Mac 2009) telah dimasyhurkan serta ditandatangani pada 2 November 1911 antara Sultan Zainal Abidin dengan pembesar kerajaan. Penggubalan perlembagaan ini pada asasnya adalah reaksi pada proses penjajahan Inggeris di negeri tersebut (Jelani 2015).

Proses ke arah pembentukan perlembagaan tersebut telah melibatkan golongan ulama atau elit agamawan (Mini Walek 2008). Antara ulama yang terlibat dengan penggubalan UBDKT adalah Engku Syed (Syed Abdul Rahman) bin Muhammad al-Idrus (Tok Ku Paloh), dan Tuan Dalam (Syed Mustafa) bin Muhammad al-Idrus (Nik Haslinda 2014). Tok Ku Paloh dalam era penggubalan perlembagaan tersebut dilantik Sultan Zainal Abidin III sebagai Shaikh al-Islam

(Azmah 2008), sementara itu Tuan Dalam diiktiraf sebagai ulama yang ditafsirkan sebagai Aladin Mamat sebagai mufti (Aladin 2013). Menurut kajian Selain dua orang tokoh tersebut, penglibatan penggubal yang mahir tentang Islam adalah Sultan Zainal Abidin, Haji Wan Mohd Salleh Muhammad, Haji Wan Mohd Salleh Ismail, Haji Wan Sulaiman Daud dan Haji Ngah bin Mohd Yusof (Datuk Seri Amar Diraja) (Tuan Ruhani 1985).

Penginstitutionan perlembagaan Terengganu dalam bentuk moden, iaitu *Itqan al-Muluk* mempunyai pelbagai matlamat, antaranya:

1. Benteng untuk menangani campur tangan British dan kuasa asing dalam pemerintahan Terengganu.
2. Menetapkan Islam sebagai agama negeri dan Terengganu sebagai kerajaan Melayu.
3. Menetapkan susur galur keturunan Sultan Zainal Abidin III sebagai sultan dan pemerintah kerajaan Terengganu.
4. Mempertahankan kedaulatan Kerajaan Melayu Terengganu.
5. Penegasan pada konsep kedaulatan watan dalam pemerintahan Terengganu (Wan Ahmad Fauzi 2017).
6. Merakamkan asas-asas kerajaan Terengganu yang tidak boleh dimusnahkan atau dipinda (Mohamed Anwar & Nik Anuar 2009).

Selain itu, sebagai refleksi pada penggubalan perlembagaan yang berkait dengan golongan agamawan, terdapat dua posisi penting yang telah diterjemahkan melaluinya iaitu posisi Islam dan Melayu (*Islamiyyah al-Malayuwiyyah*). Peranan posisi Islam sebagai undang-undang Watan (*law of the land*) bagi Kerajaan Melayu Terengganu. Fasal 51 *Itqan al-Muluk* menegaskan seperti berikut:

Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya Kerajaan Terengganu ini kerajaan Islamiyyah Malayuwiyyah ialah yang dikatakan ugama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang ugama lain menjadi atau disebut ugama negeri sekalipun banyak segala bangsa dan ugama diamankan dan dibenarkan masuk di dalam negeri dan jajahan Terengganu.

Selain itu, Islam turut diberikan posisi penting dalam hampir setiap aspek-aspek penting perlembagaan tersebut. Frasa ini merujuk pada unsur Islam yang dimasukkan secara langsung berasaskan perbandingan perlembagaan Johor 1895 dan Terengganu 1911 (Ahmad Fawzi 1999). Menerusi komparatif yang menunjukkan persamaan tinggi, parameter Arab-Islam yang mendominasi perlembagaan Johor 1895 turut terpakai bagi perlembagaan Terengganu adalah:

1. Sistem pewarisan
2. Konsep setia (*wa 'd*)
3. Limitasi kuasa raja/sultan
4. Sistem agihan atau kuasa (sistem pembesar)
5. Persyaratan calon raja/pembesar
6. Sistem gelaran raja/pembesar

7. Hak bersuara dan kebebasan beragama (Parameter Arab-Islam yang telah dikenal pasti dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312 (1895) (Hanif 2017).

Penetapan Islam-Melayu merupakan konklusi senada seperti mana diungkapkan dalam kajian Hashim Musa melalui frasa, “*Undang-Undang Terengganu is an admixture of Malay traditional statecraft with heavy Islamic influences*” (Hashim 2012). Keadaan ini membuktikan bahawa keberadaan ulama telah menjamin posisi Islam dan Melayu menerusi kedudukan sebagai pembesar dan barisan penggubal teks perlembagaan Terengganu. Penetapan posisi ini boleh dilihat dalam banyak bahagian Perlembagaan Terengganu 1911, antaranya:

Fasal yang kedua (Pada menyatakan syarat-syarat raja):

Maka hendaklah raja yang memerintah kerajaan Terengganu selama-lamanya ada ia beragama Islam dan daripada bangsa Melayu dan darah daging keturunan sultan-sultan yang memerintah kerajaan Terengganu dan laki-laki sebagaimana tertib dan syarat-syarat yang tersebut fasal 3, 4, 5 dan seperti demikian itu juga yang dikatakan waris-waris ganti itu dan sekalian waris-waris.

Fasal yang ketiga puluh tujuh (mesyuarat kerajaan):

Adapun mesyuarat kerajaan itu ialah dikatakan timbalan yang am bagi raja maksudnya membantu akan raja dan Jemaah Menteri pada mentadbirkan negeri dan rakyat seperti membuat-meminda-atau menambahkan undang-undang dan peraturan melainkan ugama dan hukum syara’, dan memikirkan hal membukakan negeri dan mengimarahkan dan memberi ikhtiar yang baik pada menerbitkan hasil dan membanyakkan perniagaan dan membanyakkan akan hal kedudukan rakyat serta mengadakan syor bagi mengekalkan aman di dalam negeri dan daerah takluk jajahan Terengganu dan memelihara mahabbah persahabatan dan perdamaian dengan lain-lain kerajaan.

Fasal yang kelima puluh satu (Ugama negeri dan ugama lain):

Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya kerajaan Terengganu ini kerajaan *Islamiyyah, Malayuwiyyah* ialah yang dikatakan ugama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang ugama lain menjadi atau disebut ugama negeri, sekalipun banyak segala bangsa dan ugama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam negeri dan jajahan Terengganu.

Menerusi tiga fasa yang dipetik di atas, jelas dapat dilihat posisi Islam dan Melayu dimuatkan dengan jelas. Kedudukan dan masukan sebegini berkemungkinan besar bergantung pada sumbang saran agamawan atau ulama yang terlibat dalam proses pembentukan. Kedudukan ini ditambah dengan kemahiran agama Islam yang dimiliki oleh Sultan Zainal Abidin III. Selain itu, kajian turut menelaah wujudnya unsur persamaan dan rujukan daripada Perlembagaan Terengganu 1911 kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.

## Kesimpulan

Kedudukan Terengganu yang menerima proses campur tangan British ke atas pemerintahan pada awal abad ke-20-an ialah asas utama kajian ini. Seterusnya, kebergantungan pada parameter Arab-Islam yang dinyatakan dalam perbincangan tidak bersifat statik dan boleh disesuaikan dengan penemuan baru. Kajian ini menunjukkan terdapat warisan mendalam dalam Perlembagaan Terengganu 1911 dalam konteks ketatanegaraan yang bercirikan Melayu dan Arab-Islam. Oleh itu, penemuan ini wajar sentiasa diangkat sebagai teras utama dalam pembinaan kerajaan Terengganu. Selain itu, penekanan wajar diberikan dalam bentuk pemeliharaan dan seterusnya menjadi asas pembentukan jati diri dan faham sebenar kewujudan sistem pemerintahan Terengganu dan Melayu.

## Rujukan

- A. Samad Ahmad (pngr.). 2015. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fawzi Mohd Basri. 1999. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu pemerhatian terhadap aspek ketatanegaraan dan persuratan. Dlm. Zainal Abidin Borhan, Othman Puteh, Hamzah Hamdani & Saleh Daud (pnyt.). *Warisan Persuratan Johor II*, hlm. 383-410. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Aladin Mamat. 2013. Ulama golongan Syed di Terengganu: Peranan dan sumbangan dalam perkembangan Islam. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Azmah Abdul Manaf. 2008. History of Terengganu 1942-1973: With special reference to Islam, Politics and Socio-Economic Development. Tesis Doktor Falsafah, Charles Darwin University.
- Buyong Adil. 1974. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chao, Ju Kua. 1967. *His Work on The Chinese and Arab trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*. Terj. Friedrich, H. (1845-1927) & Rockhill, W.W. (1854-1927). Taipei: Cheng Wen Pub.
- Hanif Md Lateh @ Junid, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad & Ahmad Saiful Abdul Manaf. 2014. Peranan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312 (1895) terhadap sosio-politik Kerajaan Johor. *Jurnal al-Sirat* 14(Jun): 60-67.
- Hanif Md Lateh @ Junid. 2017. Implikasi hubungan luar Sultan Abu Bakar (1862-1895) terhadap pengubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312(1895). Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Musa. 2012. The Terengganu state legal text of 1911: Analysis of Islamic influence and the authority of the ruler in a Malay state. *Pertanika: Journal of Social Science and Humanities* 20(3): 683-694.
- Itqan al-Muluk bi al-Ta'dil al-Suluk*, Arkib Negara Malaysia (Disalin pada 15 Mac 2009).
- Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2009. Konsep *al-Khilafah al-Islamiyyah* pada Batu Bersurat Terengganu. Dlm. Kaseh Abu Bakar, Ermy Azziaty Rozali, Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal, Izziah Suryani Arshad @ Mat Resad, Maheram Ahmad, Md. Nor Abdullah, Salmah Ahmad, Zamri Arifin & Zulkarnain Mohamed (pnyt.). *Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu*, hlm. 331-344. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Jelani Harun. 2015. *Syair Tawarikh Zainal Abidin yang Ketiga* sebuah karya agung Terengganu. *Iman: International Journal of The Malay World and Civilisation* 3(2): 3-15.
- Kassim Ahmad (pnys.). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw, Yock Fang (pngr.). 2003. *Undang-undang Melaka*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mini Walek @ Khairil Khalid Jusoh. 2008. Peranan golongan elit agama di Terengganu dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan politik 1910-1961. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed Anwar Omar Din & Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Mohd Safri Ali & Mohd Fauzi Hamat. 2011. Penghayatan akidah di Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 4(Julai): 121-136.
- Muhammad Abu Bakar. 1991. *Sejarah dan Kebangkitan Ulama Terengganu*. Kuala Terengganu: Utusan Publications and Distributors & Jawatankuasa Koleksi Terengganu.

- Nik Haslinda Nik Hussain. 2014. Undang-undang bagi diri Kerajaan Terengganu, 1911 dan pengejalan status Melayu Islam Terengganu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 7(1): 41-59.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abd Majid & Nor Hayati Md Dahlal. 2010. Batu Bersurat Terengganu: Satu tafsiran terhadap pelaksanaan Syariah Islam. *Jurnal of Fiqh* 7: 107-148.
- Shaharil Talib Robert. 1977. The Terengganu ruling class in the late nineteenth century. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society* 50(2): 25-47.
- Tuan Ruhani Tuan Shariff. 1985. Pentadbiran agama Islam di Terengganu dari tahun 1911 hingga 1930-an. *Jebat* 13: 121.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2017. Konsep kedaulatan watan Raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Zulkifli Wan Hasan, Azizi Umar, Luqman Abdullah, Sidek Abdullah, Jamsari Alias & Hasnan Kasan. 2012. The role of the Malay archipelago scholars in Terengganu in the development of Shafi'i sect. *Journal of Applied Sciences Research* 8(11): 5333-5341.